

SUKAN MALAYSIA IX, 2002
PERATURAN PERTANDINGAN RENANG DAN TERJUN
(LELAKI & WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Renang dan Terjun sebagaimana yang telah ditetapkan oleh **Persekutuan Renang Amatur Antarabangsa (FINA)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak nyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 13.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
 - 13.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Renang dan Terjun **SUKAN MALAYSIA IX, 2002** adalah **MUKTAMAD**.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Renang dan Terjun **SUKAN MALAYSIA IX, 2002** adalah **MUKTAMAD**.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

05 Sept hingga 13 Sept, 2002

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Kompleks Sukan Kota Kinabalu
Kota Kinabalu
Sabah

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap Negeri, PDRM, MASUM dan MSSM hanya boleh mendaftarkan satu (1) Pasukan Lelaki dan satu (1) Pasukan Wanita terdiri daripada :-

Pasukan Lelaki (Renang)	
Pengurus Pasukan	1 orang
Jurulatih Pasukan	1 orang
Peserta	10 orang
Pengadil	1 orang

Jumlah	13 orang
	=====

Pasukan Wanita (Renang)	
Jurulatih Pasukan	1 orang
Peserta	10 orang

Jumlah	11 orang
	=====

Terjun (Lelaki)	
Pengurus Pasukan	1 orang
Jurulatih Pasukan	1 orang
Peserta	6 orang
Pengadil	1 orang

Jumlah	9 orang
	=====

Terjun (Wanita)	
Jurulatih Pasukan	1 orang

Peserta	6 orang
Pengadil	1 orang

Jumlah	8 orang
	=====

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta. Bagi peserta PDRM, kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi / Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera DiRaja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am Perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini. Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.10, jika seseorang peserta didapati telah didaftarkan oleh lebih daripada satu (1) pasukan negeri, maka pengesahan bertulis daripada peserta berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran pasukan yang akan disertainya kecuali anggota Angkatan Tentera DiRaja Malaysia yang perlu mendapatkan kelulusan Majlis Sukan Angkatan Tentera.
- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran / semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00

seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.

- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen / negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat tajaan dermasiswa/biasiswa Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang peserta kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am 20.11.

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa, dokumen pendaftaran, JPN 1/9 atau JPN 1/11 yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 ACARA-ACARA

- 7.1 Acara Renang Perseorang Lelaki

50 m	-	Gaya Bebas
100 m	-	Gaya Bebas
200 m	-	Gaya Bebas
400 m	-	Gaya Bebas
1,500 m	-	Gaya Bebas
100 m	-	Gaya Kuak Lentang
200 m	-	Gaya Kuak Lentang
100 m	-	Gaya Kuak Dada
200 m	-	Gaya Kuak Dada
100 m	-	Gaya Kuak Kupu-Kupu
200 m	-	Gaya Kuak Kupu-Kupu
200 m	-	Rampaian Perseorangan
400 m	-	Rampaian Perseorangan

7.2 Acara Renang Perseorangan Wanita

50 m	-	Gaya Bebas
100 m	-	Gaya Bebas
200 m	-	Gaya Bebas
400 m	-	Gaya Bebas
800 m	-	Gaya Bebas
100 m	-	Gaya Kuak Lentang
200 m	-	Gaya Kuak Lentang
100 m	-	Gaya Kuak Dada
200 m	-	Gaya Kuak Dada
100 m	-	Gaya Kuak Kupu-Kupu
200 m	-	Gaya Kuak Kupu-Kupu
200 m	-	Rampaian Perseorangan
400 m	-	Rampaian Perseorangan

7.3 Acara Berpasukan Lelaki

4 x 100 m	-	Gaya Bebas
4 x 200 m	-	Gaya Bebas
4 x 100 m	-	Rampaian

7.4 Acara Berpasukan Wanita

4 x 100 m	-	Gaya Bebas
4 x 100 m	-	Rampaian
4 x 200 m	-	Gaya Bebas

7.5 Acara Terjun Lelaki

Papan Anjal 1 m
Papan Anjal Berirama 1m
Papan Anjal 3 m
Papan Anjal Berirama 3 m
Platform
Platform Berirama

7.6 Acara Terjun Wanita

Papan Anjal 1 m
Papan Anjal Berirama 1m
Papan Anjal 3 m
Papan Anjal Berirama 3 m
Platform
Platform Berirama

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Renang Dan Terjun

8.1.1 Acara Perseorangan

Tiap-tiap pasukan dibenarkan menghantar dua (2) orang peserta bagi tiap acara dan jumlah keseluruhannya tidak melebihi dari penyertaan mengikut pada 4.2. Peserta simpanan serta penggantian untuk acara ini adalah tidak dibenarkan.

8.1.2 Acara Berpasukan

Setiap pasukan Negeri, PDRM, MASUM dan MSSM hanya dibenarkan menghantar satu (1) pasukan bagi tiap-tiap acara.

8.1.2.1 Dalam acara BERGANTI-GANTI nama-nama peserta mengikut susunan untuk pusingan awal, hendaklah diserahkan tidak lewat dari (1) jam sebelum permulaan acara berkenaan. Bagi

acara BERGANTI-GANTI RAMPAIAN nama-nama peserta hendaklah diberi mengikut gaya atau kuak mereka.

8.1.2.2 Seorang ahli pasukan atau peserta simpanan boleh ditukarkan, tanpa sekatan, bagi tiap-tiap pusingan saringan (elimination) separuh akhir.

9.0 MENARIK DIRI

9.1 Setiap perenang mesti mendaftar diri sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum acara dimulakan. Sekiranya perenang tersebut gagal berbuat demikian, maka ianya akan dibatalkan dari pertandingan tersebut.

10.0 PENGADIL / HAKIM

10.1 Jawatankuasa Kecil Teknikal akan melantik semua Pengadil dan Hakim Bertauliah untuk bertugas di sepanjang pertandingan berlangsung.

10.2 Setiap pasukan diminta untuk menyediakan Pengadil /Hakim sekiranya diminta oleh Jawatankuasa Pengelola / Persekutuan Renang Amatur Malaysia (PRAM).

10.3 Keputusan Pengadil dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

11.0 BANTAHAN

11.1 Semua bantahan atau rayuan hendaklah dikemukakan oleh Pengurus Pasukan secara bertulis kepada Referi tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit selepas keputusan rasmi diumumkan.

- 11.2 Tiap-tiap bantahan atau rayuan hendaklah disertakan dengan wang tunai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM 200.00) dan wang pertaruhan ini akan luput jika bantahan atau rayuan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

12.0 JURI RAYUAN

- 12.1 Perlantikan Juri Rayuan dan Prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Renang Amatir Malaysia.
- 12.2 Juri Rayuan akan bersidang dengan secepat mungkin setelah menerima bantahan atau rayuan yang dibuat oleh Pasukan dan akan menyampaikan keputusannya kepada Jawatankuasa Teknikal untuk diumumkan.

13.0 JAWATANKUASA TATATERTIB

- 13.1 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah diterima dan disampaikan laporan dari Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil berlebihan daripada pada 12.1 di atas.
- 13.2 Jawatankuasa ini adalah berhak mendapat maklumat dari mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat keputusan.

14.0 HADIAH

14.1 Acara Renang Perseorangan Lelaki

	EMAS	PERAK	GANGSA
50m Gaya Bebas	1	1	1
100 m Gaya Bebas	1	1	1
200 m Gaya Bebas	1	1	1

400 m Gaya Bebas	1	1	1
1,500 m Gaya Bebas	1	1	1
100 m Gaya Kuak Lentang	1	1	1
200 m Gaya Kuak Lentang	1	1	1
100 m Gaya Kuak Dada	1	1	1
200 m Gaya Kuak Dada	1	1	1
100m Gaya Kuak Kupu-Kupu	1	1	1
200m Gaya Kuak Kupu-Kupu	1	1	1
200m Rampaian Perseorangan	1	1	1
200m Rampaian Perseorangan	1	1	1

14.2 Acara Renang Perseorangan Wanita

50m Gaya Bebas	1	1	1
100 m Gaya Bebas	1	1	1
200 m Gaya Bebas	1	1	1
400 m Gaya Bebas	1	1	1
800 m Gaya Bebas	1	1	1
100 m Gaya Kuak Lentang	1	1	1
200 m Gaya Kuak Lentang	1	1	1
100 m Gaya Kuak Dada	1	1	1
200 m Gaya Kuak Dada	1	1	1
100 m Gaya Kuak Kupu-Kupu	1	1	1
200 m Gaya Kuak Kupu-Kupu	1	1	1
200m Rampaian Perseorangan	1	1	1
200m Rampaian Perseorangan	1	1	1

14.3 Acara Pasukan Lelaki

4 x 100 m Gaya Bebas	1	1	1
4 x 200 m Gaya Bebas	1	1	1
4 x 100 m Gaya Rampaian	1	1	1

14.4 Acara Pasukan Wanita

4 x 100 m Gaya Bebas	1	1	1
4 x 100 m Gaya Rampaian	1	1	1
4 x 200 m Gaya Bebas	1	1	1
	-----	-----	-----
	32	32	32
	=====	=====	=====

14.5 **Acara Terjun Lelaki**

Papan Anjal 1 m	1	1	1
Papan Anjal 3 m	1	1	1
Papan Anjal Berirama 3 m	1	1	1
Platform	1	1	1
Platform Berirama	1	1	1

14.6 **Acara Terjun Wanita**

Papan Anjal 1 m	1	1	1
Papan Anjal 3 m	1	1	1
Papan Anjal Berirama 3 m	1	1	1
Platform	1	1	1
Platform Berirama	1	1	1
JUMLAH	10	10	10

14.9 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan Oleh :
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturan am sukma 2002/230301/POLOAIR/AZHAR